

TAK ADA RUNDINGAN

MM 26 FEB 1984

KUALA LUMPUR 25 Februari — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa Malaysia akan berunding dengan Kerajaan Filipina mengenai tuntutan negara itu terhadap Sabah.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri juga menegaskan bahawa perbincangan mengenai penentuan sempadan kedua negara berdasarkan undang-undang laut akan hanya dapat dijalankan sebaik sahaja Filipina membatalkan tuntutan itu.

Beliau juga menjelaskan bahawa kenyataan mengenai perundingan aktif berhubungan dengan isu itu yang disiarkan oleh akhbar - akhbar sebenarnya datang dari pihak Filipina dan bukan Malaysia.

"Saya tidak pernah menyatakan yang kami (Malaysia dan Filipina) akan berunding (mengenai tuntutan Filipina terhadap Sabah). Itu kenyataan mereka," tambahnya ketika ditanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Akhbar - akhbar tempatan hari ini masing-masing melaporkan Presiden Marcos memberitahu di Manila bahawa Malaysia dan negaranya akan memulakan "perundingan aktif" tentang isu Sabah selepas pilihanraya umum Filipina Mei ini.

Cadangan

Presiden Marcos telah menemui dan berbincang dengan Datuk Sri Dr. Mahathir ketika menghadiri perayaan hari kemerdekaan Brunei di Bandar Seri

Begawan semalam.

Laporan yang memetik kata-kata Presiden Filipina itu menyatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia telah bersetuju dengan cadangan untuk berunding mengenai isu tuntutan Sabah.

Di samping itu, Presiden Marcos dilaporkan berkata bahawa wakil - wakil kedua negara sentiasa mengadakan perbincangan mengenai isu tersebut.

Menyentuh tentang penentuan sempadan kedua negara, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa perundingan tentang soal ini hanya dapat dijalankan apabila Filipina membatalkan tuntutannya ke atas Sabah.

"Perbincangan mengenai penentuan sempadan (di antara Malaysia dan Filipina) berdasarkan undang-undang laut dapat kita jalankan sebaik sahaja Filipina membatalkan tuntutannya," tegasnya lagi.

Ditanya sama ada beliau akan ke Manila untuk perbincangan berkenaan, Datuk Sri Dr. Mahathir sebaliknya menjawab:

"Ke Manila? Buat apa? Makan angin? Tidak ada rancangan nak pergi di sana." Ini disambut dengan ketawa para wartawan dan beliau sendiri.

Isu tuntutan Sabah tidak pernah selesai sejak Sabah menyertai Malaysia. Presiden Marcos dilaporkan pernah memberitahu sidang kemuncak ASEAN tahun 1977 bahawa Filipina membatalkan tuntutannya ke atas Sabah.

Bagaimanapun, sejak itu Malaysia masih menunggu - nunggu langkah rasmi Filipina berhubung dengan pembatalan tuntutan itu.

Filipina menuntut Sabah berdasarkan alasan bahawa tanah itu adalah kepunyaannya menurut dokumen sejarah.